

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI  
ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 3.11.2014**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pengambilan pelajar kedoktoran di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta bagi tahun 2012 sehingga 2014 dan apakah langkah serta tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengawal pengambilan pelajar kedoktoran di IPTS berikutan isu lambakan graduan kedoktoran di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengambilan pelajar kedoktoran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi tahun 2012 adalah sebanyak 2,619 orang pelajar iaitu 904 orang pelajar lelaki dan 1,715 orang pelajar perempuan. Manakala bagi tahun 2013 pula, sebanyak 2,027 orang pelajar telah diambil iaitu 777 orang pelajar lelaki dan 1,250 orang pelajar perempuan.

Jumlah pengambilan pelajar kedoktoran di 21 buah IPTS yang menawarkan bidang kedoktoran *Bachelor of Medicine, Bachelor of Surgery* (MBBS) dan *Doctor of Medicine* (MD) bagi tahun 2014 adalah

bergantung pada jumlah kuota yang telah ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) iaitu sebanyak 8,344 orang pelajar.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menitikberatkan kualiti penyampaian, standard dan keseimbangan dari segi penawaran dan permintaan terhadap graduan serta keperluan guna tenaga negara dalam sesuatu bidang pendidikan terutamanya dalam bidang perubatan. Atas dasar tersebut, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan moratorium (pembekuan) bagi penawaran kursus-kursus pengajian yang melibatkan Sains Perubatan, Pergigian, Kejururawatan bermula 1 Mei 2011 sehingga 30 April 2016 untuk memastikan keperluan penawaran dan kehendak industri serta kebolehpasaran graduan adalah seimbang. Keputusan moratorium ini adalah langkah terbaik untuk memberi IPTS ruang dan masa yang mencukupi untuk menghasilkan graduan perubatan yang berpengalaman dan berkualiti.

KPM bersama badan-badan profesional turut memantau kualiti kursus pengajian profesional bagi program perubatan seperti Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Jururawat Malaysia, Majlis Optik Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia.